

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
MESYUARAT KETIGA DEWAN RAKYAT, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT  
NAWI [ TUMPAT ]**

**TARIKH : 27 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN**

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [ Tumpat ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik terkini keganasan rumah tangga yang dilaporkan setiap tahun sejak 2013 berdasarkan kategori agama dan kaum.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu keganasan rumah tangga, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil tindakan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521]. Menerusi akta ini, Kerajaan memperuntukan perlindungan undang-undang dalam situasi keganasan rumah tangga dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya. Tindakan segera akan dijalankan bersama agensi-agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), mahkamah dan agensi yang berkaitan bagi memastikan segala bentuk keganasan rumah tangga dapat dibendung.

Jumlah kes warganegara yang dilaporkan dari tahun 2013 hingga 2018 adalah sebanyak **4,071** kes. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **2,386** kes (58%) adalah kaum Melayu , **773** kes (19%) adalah kaum India, **486** kes (12%) adalah kaum Cina, **312** kes (8%) adalah kaum Peribumi Sabah, **81** kes (2%) adalah Peribumi Sarawak, **6** kes (0.2%) adalah Peribumi Semenanjung dan **27** kes (0.8%) adalah lain-lain kaum.